



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA , 2 OKTOBER 2018**

1. KUALITI CILI TEMPATAN LEBIH TERJAMIN, SINAR HARIAN -ONLINE
2. KENAL PASTI SERANGAN BPB, SABAK BERNAM, SINAR HARIAN -33
3. GOVT MULLS MORE RICE IMPORTERS TO ENCHANCE FOOD SECURITY, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -1 & 4
4. SAM DIPERLUAS KE 34 LOKASI, SINAR HARIAN -ONLINE
5. PERNIAGAAN PPNJ KINI RM444.11 JUTA, UTUSAN MALAYSIA -ONLINE
6. SEBERANG PERAI FIESTA PLATFORM PASAR PRODUK, UTUSAN MALAYSIA -ONLINE

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kualiti cili tempatan lebih terjamin



SUNGAI PETANI – Pengguna disaran memanfaatkan penggunaan cili tempatan susulan tindakan kerajaan menggantung sementara permit import cili Vietnam yang melanggar Tahap Maksimum Residu (MRL) racun perosak.

Ahli Parlimen Merbok, Nor Azrina Surip @Nurin Aina berkata, inisiatif ini mampu meningkatkan jualan petani tempatan sekali gus melonjakkan sektor pertanian negara.

Menurutnya, ia bukan sahaja dapat membantu kebolehpasaran produk yang dihasilkan dengan lebih baik, malah terjamin dari aspek kualiti dan mematuhi piawaian keselamatan ditetapkan.

“Kita menekankan agar rakyat lebihutamakan untuk guna cili tempatan, kita ada pelbagai jenis, isu terbaharu tentang cili Vietnam yang terbukti hasil analisis dijalankan terhadap sampel mendapati lebih 50 peratus cili import dari Vietnam melanggar MRL racun perosak.

“Jadi lebih baiklah kita guna cili tempatan yang jauh lebih segar dan selamat,” katanya ketika hadir ke Program Jimat Belanja @ Pasar Tani Sungai Petani.

Hadir sama, Penolong Pegawai Daerah Kuala Muda, Muhammad Amin Jaafar; Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kedah, Anuar Mohamed dan Pegawai Fama Daerah, Mohd Fauzi Hashim.

Turut dijalankan ialah majlis menandatangani perjanjian antara petani ladang kontrak dengan Fama, pameran kenali cili dan kaunter khidmat pelanggan, program kacang bubur asyura dan meraikan ulangtahun Fama ke-53.

Menurut Anuar, Fama melalui pasar tani menggalakkan petani melakukan penjimatan 5 hingga 20 peratus dari harga pasaran semasa sekali gus mengharapkan orang ramai menggunakan peluang ini untuk terus berbelanja di pasar tani.

“Di pasar tani kita galakkan petani buat jualan terus dari ladang, minta depa bawa mai hasil, jual di sini, boleh letak antara harga ladang dan harga runcit, pengguna pun dapat harga berpatutan,” katanya.

Menurutnya, bagi menggalakkan pengguna memilih cili tempatan, Fama melancarkan kempen lebihkan makan cili tempatan tahun lalu yang terkandung pelbagai khasiat dan kelebihannya.

Kenal pasti serangan BPB

Hasil padi Barat Laut Selangor dikhuatiri terjejas

MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR

SABAK BERNAM

Beberapa kawasan tanaman padi di Barat Laut Selangor dikenal pasti diserang ancaman penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) yang dikhuatiri memberi kesan kepada pengeluaran hasil tanaman dan kualiti padi.

Ahli Parlimen Sungai Besar, Muslimin Yahaya berkata,

beliau dimaktumkan, Jabatan Pertanian sudah mengesan kawasan sawah terlibat.

Malah, katanya, ancaman BPB dianggap lebih serius daripada wabak Hawar Daun Bakteria (BLB) pada musim tanaman 2016.

"Sehingga kini, penyakit disebabkan BPB ini masih belum ada pengesyoran daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) bagi kawalan secara kimia.

"Kita tak mahu hasil padi di kawasan Barat Laut Selangor ini terjejas seperti tahun sebelumnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Hari Ladang Kawasan Perkhidmatan Sekinchan di Kilang Beras Rakyat Sekin-



Muslimin (dua kanan) menyampaikan insentif tanaman kepada salah seorang peserta.

chan, di sini.

Menurut Muslimin, Jabatan Pertanian mempunyai

kaedah tertentu dalam usaha menangani ancaman BPB daripada terus merebak.

Sehubungan itu, katanya, setiap pesawah diminta mengikuti prosedur amalan

pertanian baik dan mengikut jadual tanaman.

"Pesawah mesti mengambil langkah berjaga-jaga antaranya tidak menggunakan baja berlebihan dan memastikan kebersihan peralatan ladang.

"Selain itu, pesawah juga mesti memantau pekerja terutama warga asing yang bekerja di sawah, selain mereka perlu menggunakan benih padi sah dan berkualiti," katanya.

Katanya, pihaknya turut melaksanakan kempen kesedaran kepada pesawah berhubung ancaman BPB yang pertama kali menyerang tanaman padi kawasan itu.

"Kita harap masalah BPB ini dapat dikawal bagi mengalak padi," katanya.

Headline	Govt mulls more rice importers to enhance food security		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	02 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	1,4	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	425 cm ²
Journalist	AFIQ AZIZ	AdValue	RM 4,009
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,027



Govt mulls more rice importers to enhance food security

Minister says a long-term model being formulated to cut dependence on a single importer and improve access to the staple food

by AFIQ AZIZ & ALIFAH ZAINUDDIN

THE government is looking to increase the number of local rice importers and formulate a long-term

model for the industry, which will enhance the country's food security.

The model, which is being formulated, will reduce the dependence on a single importer, improve the access to the staple food, and create an umbrella body to oversee and represent the industry, millers and producers.

Presently, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) is given the sole right to import rice.

Agriculture and Agro-based In-

dustry Minister Salahuddin Ayub said it is important to rely less on Bernas, which concession ends in 2021, due to the implications to the country's imports and food security.

"The idea is to not have a monopoly. In the long run, it's not safe in terms of security because only one player controls the industry.

"If anything happens in the future, it will jeopardise the country and our people, so we need to break the monopoly," Salahuddin told *The*

Malaysian Reserve (TMR) in an exclusive interview yesterday.

Salahuddin said the special Cabinet committee to disband industry monopolies is currently conducting a feasibility study on three models produced by agencies under Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA).

Upon the completion of the study, the best model will be presented to the Cabinet for final approval.

SEE P4 COL1

Headline	Govt mulls more rice importers to enhance food security		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	02 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	1,4	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	425 cm ²
Journalist	AFIQ AZIZ	AdValue	RM 4,009
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,027

Soft-landing approach to ease Bernas transition



Pic by Muhd Amin Nohari

Salahuddin says the govt will seek to establish LPPBN, which will act as a price regulator for rice

FROM P1 Rice importers

In addition to the monopoly-replacement model, the government is also proposing a soft-landing approach that will ease the transition for Bernas as the sole rice importer.

"The concession for Bernas ends in 2021, so if Bernas agrees to discuss with us before their contract ends, we have what is called the soft-landing approach.

"Maybe Bernas can agree to allow two or three companies to import the rice as part of the approach," he said.

The Pulaui MP said Bernas has been consulted on the offer, but the company has yet to provide a response.

Salahuddin said among the companies that could partner Bernas in the process include leading rice wholesalers like Jati (Serba Wangi Sdn Bhd) and Jasmine Food Corp Sdn Bhd.

However, the government is also considering agencies such as Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Felcra Bhd and the Federal Land Development Authority or Felda in the approach.

"Ultimately, it is up to the Cabinet to decide. We may have a duopoly, we can even have five to 10 companies (to import rice) — it depends on the Cabinet," he said.

In 1974, Bernas was appointed as the single gatekeeper for imported rice. The aim was to protect local farmers, the welfare of consumers, as well as keeping the national stockpile to safeguard food security.

With Bernas, the pricing of local rice has so far remained relatively fixed, allowing local

farmers to make fair profits while consumers enjoy a stable rate. The current price of RM2.60 per kg is the second-lowest in South-East Asia, similar to Vietnam and behind only Thailand which sells at RM2.35 per kg.

Despite the stability, certain parties claim that the country's rice price can be lowered further if the monopoly by Bernas is put to an end.

Salahuddin said after a four-decade long monopoly, it was time to "share the portion of the cake" and bring in competition among industry players.

However, in order to strike a balance and be fair to all stakeholders in the rice industry, Salahuddin said the government will seek to establish Lembaga Perindustrian Padi dan Beras Negara (LPPBN), which will act as a price regulator.

"This regulator will look into stabilising the price of rice and protecting the farmers. Should any unexpected incident happens, it will have the authority to take control of the situation," he said, adding that a new price model is scheduled to be announced next year.

Salahuddin said all rice importers are expected to be members of the new regulator, including Bernas.

The MoA is also positive that the country will achieve the rice self-sufficient level of 78.15% this year and 80% by 2020, if production levels increase with the addition of more paddy fields, implementation of new technologies and new incentives by the government.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

SAM diperluas ke 34 lokasi



SHAH ALAM - Sebanyak 34 lokasi baharu dikenalpasti bagi memperluaskan lagi program Selangor Agro Market (SAM) di negeri ini.

Exco Infrastruktur&Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani, Izham Hashim berkata, program kolaborasi antara Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dengan kerajaan negeri dimulakan awal tahun ini dengan pelaksanaan sebanyak 87 lokasi di sembilan daerah seluruh Selangor dengan nilai jualan sebanyak RM3.5 juta.

Beliau berkata, susulan sambutan yang diterima sangat menggalakkan, pihaknya melihat terdapat keperluan untuk menambah lokasi ini bagi memastikan pengguna mendapat produk segar dan juga produk industri asas tani secara terus.

“Susulan sambutan yang bagus, malah jualan pun memberangsangkan jadi kita dah teliti 34 lokasi lagi yang dikenalpasti berpotensi.

“Lokasi tersebut melibatkan lapan di Petaling, lima di Klang dan masing-masing tiga di Kuala Selangor, Sabak Bernam, Hulu Selangor, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang,” katanya pada sidang akhbar selepas Seminar Galakan Pasaran Antarabangsa Agropreneur Selangor 2018 di Wisma PKPS, semalam.

Menurutnya, ia bakal menjadikan keseluruhan lokasi SAM di negeri ini sebanyak 121 menjelang 2019.

“Setakat ini, program SAM kita buat secara mingguan... tapi akan lihat untuk buat secara bulanan serta besar-besaran akan datang.

“Selain program itu, kerajaan negeri dan Fama turut kenal pasti ruang-ruang lain untuk memasarkan produk ini kerana kita tak boleh fokus pada satu cara saja,” katanya.

Turut hadir pada majlis Ketua Pengarah Fama, Datuk Ahmad Ishak, Pengarah Fama Selangor, Datuk Abdul Ghariff Ramin dan Angkasawan Negara merangkap Penaung Arda Niaga Sdn Bhd, Datuk Dr Syeikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustpha.


Sementara itu, Izham berkata, seminar kali pertama dianjurkan bersama Fama itu menjadi platform terbaik untuk berhubung terus dengan usahawan dalam beri perkhidmatan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran dunia.

“Kita sediakan kursus, simposium dan bengkel yang akan dibuat secara berturutan pada masa akan datang bagi meningkatkan kemampuan industri asas tani khususnya usahawan dalam mendepani cabaran dan meningkatkan hasil jualan mereka.

“Antara kaedah yang kita buat menerusi seminar ini adalah saringan produk bagi mengenalpasti keperluan mereka dari segi kualiti, pembungkusan serta paling penting persijilan agar mereka dapat melihat hala tuju produk mereka,” katanya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Perniagaan PPNJ kini RM444.11 juta



PPK Sri Medan menerima Anugerah Pemasaran Bersepadu BTS PPK dan Anugerah Khas PPK Setia daripada Sahrudin Jamal (tiga dari kiri) di Hotel Phoenix, Forest City, Johor Bahru, baru-baru ini.

02 Oktober 2018 3:00 AM

ISKANDAR PUTERI 1 Okt. – Kapasiti perniagaan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) kini mencecah RM444.11 juta sekali gus menyumbang dalam bidang pengeluaran makanan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Shahrudin Jamal berkata, antaranya industri ayam PPNJ yang mampu menyediakan rangkaian pengeluaran produk ternakan itu dan setanding

pasaran sedia ada.

“Contohnya membekalkan baka anak ayam sehingga hasil produk ayam diproses menjadi permintaan utama di Johor. Kapasiti terkini berjumlah 600 metrik tan untuk sebulan.

“Perancangan selepas ini adalah pengeluaran daripada enam juta ekor setahun kepada 12 juta ekor setahun,” katanya ketika berucap dalam Mesyuarat Agung PPNJ ke-14 di Phoenix City Hotel, Kota Iskandar di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPNJ, Datuk Saipolbahri Suib.

Shahrudin yakin, PPNJ akan menjadi peneraju industri ayam bumiputera pada masa depan berdasarkan kemampuan pengeluaran dan pemasaran dimiliki pertubuhan berkenaan.

Dalam pada itu, sempena mesyuarat agung tahunan ke-14 itu, beliau berharap kepimpinan PPNJ menilai pencapaian pada tahun lalu melalui laporan kemajuan yang disediakan.

Katanya, PPNJ perlu mengkaji dan meneliti secara terperinci pelan Belanjawan Tahun 2018 selain mengemukakan cadangan program, aktiviti dan projek baharu yang perlu dilaksanakan.

Selain itu, beliau mahu 104,279 peladang di negeri ini terlibat menjadi pengeluar makanan dan PPNJ menyediakan rangkaian projek pemasaran yang kukuh misalnya industri ayam segar.

“Industri ini bermula dengan pengeluaran anak ayam sehari kepada ladang penternakan ayam daging diikuti kilang memproses ayam dan kemudian pemasaran ayam segar dan produk hiliran.

“Industri pemasaran kelapa sawit pula bermula dengan penyelidikan dan penjualan benih sawit kepada ladang kelapa sawit sehingga kilang memproses buah sawit dan jualan terus minyak mentah sawit. Rangkaian ini dibuka kepada semua Pertubuhan Peladang Kawasan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Seberang Perai Fiesta platform pasar produk



PERMATANG PAUH 1 Okt. - Sejak diperkenalkan pada 2016, Seberang Perai Fiesta boleh dikatakan tidak pernah gagal untuk menarik kunjungan penduduk Pulau Pinang khususnya yang tinggal dalam tiga daerah di Seberang Perai iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

Namun, berbeza dengan dua fiesta terdahulu, fiesta kali ini dianggap lebih meriah dengan beberapa penambahbaikan yang dilakukan penganjur khususnya kerajaan negeri.

Selain menggabungkan tiga pesta atau fiesta sekali gus iaitu Agro Festival, Penang Food Festival dan Festival Seni Northsantara Artwave, fiesta selama lima hari bermula 26 September itu juga dijadikan medan atau zon bebas asap rokok dan bebas sampah.

Keadaan itu secara tidak langsung dapat menggamit kehadiran lebih ramai pengunjung terutama yang datang secara berkeluarga untuk beriadah, membeli-belah dan bersantai dengan lebih selesa.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa serta Kesihatan negeri, Dr. Afif Bahardin berkata, fiesta itu turut mendapat kerjasama penuh daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta beberapa jabatan dan agensi kerajaan negeri selain syarikat swasta dan persendirian.

Katanya, antara jabatan dan agensi terbabit termasuk Jabatan Pertanian negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) negeri, Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI) dan sebagainya.

"Bagi program AgroFest (Agro Festival) sebagai contoh, kita telah menyusun pelbagai aktiviti sepanjang fiesta berlangsung termasuk pameran berkaitan pertanian, veterinar, teknologi dan inovasi, pertandingan ayam serama, pertandingan ikan hiasan, pertandingan 'penjantan unggul' dan sebagainya.

"Semua ini mendapat sambutan yang amat baik daripada segenap lapisan masyarakat dan ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa pertanian serta industri asas tani di negeri ini kini sedang berkembang pesat.

"Pada masa sama, kita juga secara tidak langsung telah berada pada landasan yang tepat dalam usaha menjadikan pertanian sebagai satu sektor yang moden, dinamik, kompetitif dan menguntungkan pada masa depan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian fiesta itu di sini, baru-baru ini.

Yang hadir sama pada fiesta yang disempurnakan perasmianya oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas itu ialah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Dr. P. Ramasamy dan Yang Dipertua MPSP, Datuk Rozali Mohamud.

Sempena majlis perasmian itu juga, beberapa anugerah berkaitan AgroFest turut disampaikan kepada para pemenang termasuk Anugerah Pemasar Tani dan Pekebun Kecil Jaya, Anugerah Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM).

Turut diberikan Anugerah Usahawan Ikan Air Tawar dan Ikan Air Payau serta Anugerah Pertubuhan Peladang Jaya dan Anugerah Peladang Jaya Wanita.

Dalam pada itu, Penang Food Festival yang turut diadakan sempena fiesta itu juga tidak kurang hebat sambutannya apabila terus dibanjiri pengunjung sejak fiesta tersebut bermula.

Melibatkan sekurang-kurangnya 80 buah gerai yang menjual pelbagai jenis makanan mengikut trend terkini, pengunjung juga mempunyai lebih pilihan apabila terdapat lebih daripada 15 buah 'food truck' atau trak makanan yang mengambil bahagian dalam fiesta berkenaan.

Aktiviti lain yang dijalankan sempena Fiesta Seberang Perai itu termasuk penjualan benih pokok, pertandingan memancing, pertandingan kucing, karaoke, pameran serta penjualan buku, galeri lukisan dan sebagainya.

Sementara itu, Rozali percaya fiesta tersebut berjaya mencapai matlamatnya dalam mempromosi serta memasarkan produk-produk dan hasil-hasil pertanian, penternakan serta perikanan kepada penduduk setempat dan pengusaha-pengusaha besar.

“Saya melihat Seberang Perai Fiesta itu sebagai satu platform dan kaedah paling berkesan kepada para usahawan dalam memperkenalkan serta memasarkan produk-produk mereka,” katanya.